

**EKSPRESI EMOSI POSITIF IBU BAPA MEMPENGARUHI MASALAH TINGKAH LAKU
(LUARAN & DALAMAN) DALAM KALANGAN KANAK-KANAK TADIKA**

Zaleha Damanhuri

Kolej Universiti Islam Melaka

Nurdiyana Tasripin

Kolej Universiti Islam Melaka

Nur Syakira Baharudin

Kolej Universiti Islam Melaka

Nur Hazwani Abdul Wahi

Kolej Universiti Islam Melaka

Nor Syazwanie Mohamad Zamal

Kolej Universiti Islam Melaka

Corresponding Author's Email: zalehadamanhuri@kuim.edu.my

Article history:

Received : 24 November 2021

Accepted : 8 December 2021

Published : 30 December 2021

ABSTRAK

Artikel ini membincangkan tentang ekspresi emosi positif dalam kalangan ibu bapa mempengaruhi masalah tingkah laku dari faktor *externalizing* (luaran) dan faktor *internalizing* (dalaman) dalam kalangan kanak-kanak tadika. Penyelidik menggunakan instrumen *Family Expressiveness Questionnaire* (FEQ) bagi mengukur ekspresi emosi positif manakala instrumen *Preschool and kindergarten behaviour Scale* (PKBS-2) bagi mengukur masalah tingkah laku luaran dan dalaman dalam kalangan kanak-kanak tadika. PKBS-2 bahagian B iaitu mengukur masalah tingkah laku kanak-kanak telah digunakan di dalam kajian ini. lima subskala iaitu subskala B1, B2, B3, B4 dan B5. Masalah tingkah laku (*externalizing*) melibatkan tiga (3) domain iaitu (i) berpusatkan diri sendiri (B1), (ii) masalah perhatian (B2) dan (iii) anti sosial (B3). Manakala masalah tingkah laku (*internalizing*) melibatkan dua (2) domain iaitu (i) menarik diri dari bersosial (B4) dan (ii) kebimbangan/masalah tubuh badan (B5). Keputusan menunjukkan bahawa ekspresi emosi positif ibu bapa tidak mempengaruhi masalah tingkah laku faktor luaran dan faktor dalaman dalam kalangan kanak-kanak. Ini bermakna kajian lanjut perlu dilaksanakan bagi mengenal pasti pengaruh lain bagi pembentukan masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak tadika.

Kata Kunci: Faktor luaran, Faktor dalaman, *Family Expressiveness Questionnaire* (FEQ), *Preschool and kindergarten behaviour Scale* (PKBS-2)

ABSTRACT

This article discusses how positive emotional expression among parents influences behavioral problems namely externalizing factors (external) and internalizing factors (internal) among kindergarten children. Researchers used the Family Expressiveness Questionnaire (FEQ) instrument to measure positive emotional expression while the Preschool and Kindergarten Behavior Scale (PKBS-2) instrument to measure external and internal behavior problems among kindergarten children. PKBS-2 part B which measures children's behavior problems was used in this study. five subscales namely subscales B1, B2, B3, B4 and B5. Behavioral problems (externalizing) involve three (3) domains namely (i) self-centered (B1), (ii) attention problems (B2) and (iii) anti-social (B3). While behavioral problems (internalizing) involve two (2) domains namely (i) withdrawing from socializing (B4) and (ii) anxiety/body problems (B5). The results showed that the positive emotional expression of parents did not influence the behavioral problems of external factors and internal factors among children. This means that further studies need to be conducted to identify other influences for the formation of behavioral problems among kindergarten children.

Keywords: *Externalizing, Internalizing, Family Expressiveness Questionnaire (FEQ), Preschool and kindergarten behaviour Scale (PKBS-2)*

LATAR BELAKANG KAJIAN

Ekspresi emosi yang ditunjukkan oleh ibu bapa akan menjadi rujukan sosial (*social referencing*) oleh kanak-kanak (Berk, 2018). Secara psikologinya emosi manusia dapat dibahagikan kepada beberapa intensiti ekspresi emosi yang berbeza. Perincian ekspresi emosi dari kadar tinggi kepada rendah iaitu (i) mengekspresikan emosi lebih dari apa yang dirasakan tanpa keupayaan untuk menahan atau mengawalinya (*amplify*), (ii) mengekspresikan emosi secara seimbang dengan apa yang dirasakan (*noinhibition*), (iii) tetap mengekspresikan emosi yang dirasakan namun disertai dengan senyuman (*qualify*), (iv) mengekspresikan emosi kurang dari yang dirasakan (*deamplify*), (v) menyembunyikan perasaan yang dirasakan dengan senyuman (*masking*) dan akhir sekali, (vi) tidak mengekspresikan sebarang emosi (*neutralise*). Berdasarkan huraian ini menjelaskan bahawa ekspresi emosi berkaitan dengan usaha yang dilakukan oleh seseorang untuk mengkomunikasikan status perasaan yang disertai emosi sebagai tindak balas ke atas peristiwa dalaman (*internalizing*) atau luaran (*externalizing*) yang berorientasikan tujuan tertentu dengan mempamerkan sikap dan tingkah laku tertentu sama ada secara verbal atau nonverbal. Aspek nonverbal boleh ditunjukkan melalui ekspresi emosi iaitu raut wajah, *body gesture*, intonasi suara, *eye contact* dan sebagainya.

Corak komunikasi tersebut akan membentuk hubungan sosialisasi yang akan memberikan pengaruh yang signifikan di dalam mencorakkan *overt behaviour* anak-anak. Selain itu juga, ekspresi emosi yang dipamerkan ibu bapa seharian turut ditiru oleh anak secara langsung (*direct imitation*), ianya juga memberi pengaruh kepada gaya perlakuan anak di tadika. Kanak-kanak pada peringkat awalnya akan meluahkan emosi secara menyeluruh dan belum mempunyai kebolehan untuk mengelaskan emosi secara nyata (Berk, 2018). Namun, apabila semakin meningkat usia seiring dengan perkembangan bahasa yang dimiliki oleh kanak-kanak menyebabkan mereka mampu menyatakan emosi secara lebih jelas. Semakin usia bertambah kanak-kanak mampu menyatakan emosi mereka secara halus yang mana memandu kanak-kanak untuk menzahirkan sesuatu tingkah laku sama ada dalam bentuk yang positif atau sebaliknya (Rohani, 2009). Ekspresi emosi yang ditunjukkan oleh ibu bapa di hadapan anak-anak akan menjadi panduan atau *social referencing* kepada kanak-kanak untuk bertingkah laku (Haliza & Joy Nesamalar, 2016).

Masalah tingkah laku turut dikaitkan dengan masalah kompetensi sosial yang mana kanak-kanak sukar membina jaringan sosial secara positif dan sukar diterima dalam kalangan rakan-rakan. Berdasarkan Suziyani (2014) masalah tingkah laku kanak-kanak peringkat awal usia merupakan ramalan kompetensi sosial di sekolah rendah. Kanak-kanak yang tidak mempunyai kompetensi sosial yang sesuai pada peringkat awal usia, akan kurang interaksi bersama guru, kurang disukai oleh rakan sebaya dan kurang berminat untuk ke sekolah (Zaleha et. al., 2020). Justeru, kajian lanjut berkaitan masalah tingkah laku kanak-kanak secara *externalizing* dan *internalizing* perlu dilakukan agar dapat mengurangkan masalah gejala sosial dan keruntuhan akhlak khasnya dalam kalangan remaja.

Objektif

Objektif kajian ialah:

- i. Mengenal pasti tahap ekspresi emosi positif dalam kalangan ibubapa?
- ii. Mengenal pasti hubungan yang signifikan di antara ekspresi emosi positif ibu bapa terhadap masalah tingkah laku (masalah *externalizing*) kanak-kanak tadika?
- iii. Mengenal pasti hubungan yang signifikan di antara ekspresi emosi positif ibu bapa terhadap masalah tingkah laku (masalah *Internalizing*) kanak-kanak tadika?

Persoalan kajian

Persoalan kajian adalah seperti berikut:

- i. Adakah tahap ekspresi emosi positif dalam kalangan ibubapa?
- ii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara ekspresi emosi positif ibu bapa terhadap masalah tingkah laku (masalah *externalizing*) kanak-kanak tadika?
- iii. Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara ekspresi emosi positif ibu bapa terhadap masalah tingkah laku (masalah *Internalizing*) kanak-kanak tadika?

Hipotesis

Hipotesis kajian adalah seperti berikut :

- i. $H_0 1$: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara ekspresi emosi positif ibu bapa terhadap masalah tingkah laku (domain *externalizing*) kanak-kanak tadika
 $H_a 1$: Terdapat hubungan yang signifikan di antara ekspresi emosi positif ibu bapa terhadap masalah tingkah laku (domain *externalizing*) kanak-kanak tadika.
- ii. $H_0 2$: Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara ekspresi emosi positif ibu bapa terhadap masalah tingkah laku (domain *Internalizing*) kanak-kanak tadika
 $H_a 2$: Terdapat hubungan yang signifikan di antara ekspresi emosi positif ibu bapa terhadap masalah tingkah laku (domain *Internalizing*) kanak-kanak tadika

SOROTAN LITERATUR

Ekspresi Emosi

Darwin menyatakan bahawa ekspresi emosi adalah tingkah laku lengkap dengan kombinasi aksi fizikal. Manakala Zaleha et. al., (2020) berpendapat bahawa intonasi suara, postur, gestur, pergerakan otot dan faktor fisiologi merupakan kombinasi aksi fizikal. Ekspresi emosi seseorang boleh terlihat melalui ekspresi wajah yang dipamerkan. Ekspresi raut wajah merupakan salah satu bentuk

komunikasi seperti perkataan yang diucapkan namun ianya lebih cepat memberi isyarat komunikasi melebihi perkataan itu sendiri (Suziyani, 2014).

Ekspresi emosi muncul secara spontan, ianya sukar untuk dikawal atau disembunyikan dan berlaku secara natural (Huffman, 2007). Ekpresi emosi dapat diperhatikan melalui tindak balas fisiologi yang timbul akibat reaksi peristiwa atau rangsangan tertentu yang melahirkan emosi. Reaksi ini adalah bersifat internal (dalaman) mahupun eksternal (luaran). Ekspresi emosi yang terhasil dalam bentuk tindak balas fisiologi meliputi ekspresi wajah, sikap dan tingkah laku. Ekspresi emosi selain diwarisi secara genetik ternyata dipengaruhi juga oleh pengalaman dalam berinteraksi dengan orang lain. *Emotional expression* (ekspresi emosi) merupakan perubahan dari segi pergerakan otot-otot wajah, kelenjar tertentu yang akan melepaskan hormon tertentu untuk mendorong tingkah laku tertentu dipamerkan, yang seiring dengan reaksi emosi (Zaleha et. al., 2020) Keupayaan seseorang untuk meluahkan perasaan yang dirasainya kepada orang lain adalah salah satu reaksi fisiologi. Reaksi fisiologi ini akan menyebabkan terpamernya raut wajah seperti tersenyum, mencebek dan sebagainya. Ekspresi emosi adalah keupayaan menyampaikan komunikasi dalam bentuk bukan lisan yang menzhahirkan elemen perasaan (Huffman, K., 2007).

Ekspresi Emosi Ibu bapa

Emosi ibu bapa meliputi elemen kesejahteraan psikologi, yang diperolehi dari pelbagai aspek seperti keperluan sosial, psikologi dan kebebasan yang memberi kesan kepada pertumbuhan peribadi (Asmawati et. al., 2015). Keupayaan mengurus emosi yang baik akan membantu ibu bapa mengekspresikan emosi yang positif secara konsisten. Jika sebaliknya berlaku, emosi yang negatif seperti kekecewaan, kesakitan, tekanan dan sebagainya akan mengganggu kefungsiian kehidupan dan kesejahteraan psikologi ibu bapa (Asmawati et. al., 2015).

Menurut Asmawati et. al., (2015), tahap kesejahteraan hidup akan menentukan perjalanan hidup seharian sama ada secara positif atau negatif yang (Asmawati et. al., 2015). Mengikut *World Health Organization* (WHO), (2012) Kesejahteraan emosi dinilai melalui aspek kognitif dan afektif. Perasaan positif dan negatif tentang kehidupan lebih memfokuskan kepuasan dalam hidup merangkumi kepuasan terhadap perkahwinan, kepuasan kehidupan, suasana kekeluargaan yang mana ibu bapa tidak mengalami kemurungan dan keresahan yang melampau sehingga terdorong mengekspresikan emosi mereka secara negatif di hadapan anak-anak (Norly, 2010; Berk, 2018).

Ekspresi emosi ibu bapa mempunyai hubungan langsung ke atas masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak (Zaleha, 2020). Dalam konteks perspektif Islam ibu bapa adalah pendidik pertama dalam membentuk peribadi dan akhlak (Abdullah Nasih Ulwan, 2015). Tidak terkecuali aspek pembentuk masalah tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak prasekolah ibu bapa bertanggungjawab sepenuhnya. Ini bermakna anak-anak yang soleh dan solehah akan mempunyai tingkah laku yang teratur sopan, tertib dan berdisiplin boleh dihasilkan melalui tauladan ibu bapa yang positif (Azizi, 2017).

Masalah Tingkah laku Kanak-kanak

Kemahiran sosial yang baik membantu kanak-kanak membina hubungan persahabatan dengan rakan sebaya (Piping Perlina et. al., 2020). Apabila mereka boleh berkomunikasi dengan baik, maka interaksi ketika proses pembelajaran akan berjalan dengan baik dan lancar (Santrock, 2015). Kanak-kanak mudah faham apa yang di ajar oleh guru dan boleh bertanya apa yang tidak difahami serta dapat berbincang bersama rakan-rakan. Keadaan akan mengelakkan kanak-kanak dari keciciran di sekolah (Berk, 2018). Masalah tingkah laku seperti membuli, bergaduh, agresif, kurang tumpuan dan hiperaktif akan menyebabkan kanak-kanak ini dipulaukan oleh rakan sebaya. Hal ini menyebabkan

rakan sebaya sukar membina hubungan dengan kanak-kanak bermasalah tingkah laku (Bayer et al., 2012). Mereka dianggap menyusahkan dan sering mengganggu rakan-rakan yang ingin belajar. Mereka akan dilabelkan sebagai nakal dan jahat, hal ini akan membentuk konsep sendiri mereka sehingga dewasa (Zaleha et. al., 2020).

Sesuatu tingkah laku itu dianggap bermasalah apabila ianya mendatangkan ketidakselesaan kepada individu lain. Menurut *American Psychiatric Association* (APA) tingkah laku negatif yang mengakibatkan ketidakfungsian seseorang di dalam sesebuah komuniti atau lingkungan tertentu dianggap sebagai tingkah laku bermasalah. Hal ini melibatkan tindak balas fisiologi iaitu gabungan aktiviti fizikal, aktiviti otak dan tindak balas emosi terhadap sebarang bentuk rangsangan yang mengakibatkan anggota badan dan otak menjadi tegang. Menurut Zaleha dan Mariani (2020) masalah tingkah laku tertentu boleh dilihat secara nyata (*overt behaviour*) kerana hasil tindak balas dalaman dan luaran.

Walau bagaimanapun, kanak-kanak yang pintar dan cerdas perlu melakukan penyesuaian diri supaya boleh diterima oleh rakan sebaya di sekolah (Zaleha et. al., 2020). Masalah tingkah laku ini berlaku apabila kanak-kanak gagal melaksanakan penyesuaian diri, sehinggakan mereka mengalami '*social rejection*' (penolakan sosial) dalam kalangan rakan sebaya (Yoleri, 2014; Zaleha, 2020). Sekiranya kanak-kanak sukar menerima perubahan dan tidak mampu mengikuti penyesuaian ini merupakan petanda kepada permulaan masalah tingkah laku (Zaleha, 2020). Kanak-kanak yang cenderung untuk mempunyai masalah emosi, tingkah laku, sosial, dan akademik akan keciciran di sekolah dan tergolong dalam kalangan kanak-kanak bermasalah tingkah laku (Zaleha et. al., 2020; Azizi, 2015). Masalah penyesuaian di peringkat kanak-kanak adalah isu yang penting (Zaleha et. al., 2020). Kanak-kanak yang gagal peringkat penyesuaian akan mempunyai masalah tingkah laku yang serius. Oleh yang demikian, masalah tingkah laku seperti membuli, ketidakpatuhan, berbohong, bermusuhan, agresif, hiperaktif, tumpuan singkat dan mengganggu orang lain berlaku kerana proses penyesuaian gagal dilalui dengan sempurna (Zaleha et. al., 2020; Habibie, 2018).

METODOLOGI

Penyelidikan ini menggunakan kaedah kuantitatif yang mana data dianalisis secara deskriptif dan inferensi. Terdapat beberapa persoalan kajian yang perlu dianalisis menggunakan analisis inferensi iaitu korelasi spearman. Analisis korelasi spearman digunakan bagi data yang bukan parametrik untuk menjawab persoalan kajian (Ghazali et. al., 2019).

Instrumen kajian

Family Expressiveness Questionnaire (FEQ)

Instrumen *Family Expressiveness Questionnaire* (FEQ) ialah soal selidik ekspresi emosi ibu bapa yang telah dihasilkan oleh Halberstadt (1986). Instrumen ini telah menjalani terjemahan *back to back translation* dengan bantuan oleh dua orang pakar penterjemah. Berdasarkan penyelidik asal iaitu Halberstadt (1986), FEQ ini mengandungi 40 item yang menilai ekspresi emosi di dalam keluarga (Halberstadt, 1986). Berdasarkan Halberstadt (1986), FEQ asalnya mengandungi 40 item iaitu 20 item adalah berkaitan ekspresi keluarga yang positif (contohnya, 'memberitahu ahli keluarga betapa gembiranya anda') manakala 20 item lagi berkaitan ekspresi keluarga yang negatif (contohnya, 'menyalahkan antara satu sama lain apabila masalah timbul dalam keluarga'). Responden menjawab berdasarkan kekerapan situasi itu berlaku dalam keluarga mereka berbanding keluarga lain. Skala pemarkatan yang digunakan adalah skala 1 (tidak kerap dalam keluarga saya) hingga 9 (sangat kerap dalam keluarga saya). FEQ telah menjalani terjemahan *back to back translation* oleh Norly (2009), maka soal selidik hanya menggunakan 30 item yang menunjukkan kebolehpercayaan dalaman yang

kuat. Senarai item asal adalah sebanyak 40 item telah dikurangkan menjadi 30 item yang mana 10 item telah disingkirkan iaitu item 3, 13, 14, 18, 25, 29, 31, 32, 38 dan 39. Pecahan item positif dan negatif adalah seperti jadual di bawah:

Jadual 1:

Senarai Terkini Item Positif dan Negatif berdasarkan Halberstadt (1986)

Item	Jumlah Item	Nombor Item Soalan
Positif	14	1, 2, 5, 13, 14, 17, 18, 19, 21, 23, 24, 25, 27 dan 30
Negatif	16	3, 4, 6, 7, 8, 9, 10, 11, 12, 15, 16, 20, 22, 26, 28 dan 29

Sumber: Halberstadt (1986)

Instrumen menggunakan skala pemarkatan yang digunakan adalah skala 1 (jarang kali) hingga 3 (sangat kerap). Seperti perincian di bawah ini:

Jadual 2:

Jadual Skala Likert

Skala Likert	Maksud
1	Jarang kali
2	Kerap kali
3	Sangat Kerap

Sumber: Halberstadt (1986), Norly (2009)

Preschool and Kindergarten Behaviour Scale (PKBS-2)

Preschool and kindergarten behaviour Scale (PKBS-2) ialah borang tingkah laku kanak-kanak prasekolah yang digunakan oleh Merrell (1994). PKBS-2 ini mengandungi 76 item dan mempunyai 2 skala iaitu Skala A bagi kemahiran sosial dan Skala B bagi Masalah Tingkah Laku. Walau bagaimanapun dalam kajian ini penyelidik hanya menggunakan sub skala B iaitu item 'Masalah Tingkah Laku' yang mempunyai 42 item yang menggambarkan pelbagai masalah tingkah laku yang sering dilihat pada usia awal kanak-kanak atau prasekolah. Item ini dinilai pada skala likert 4 poin. Item dibahagikan kepada lima subskala iaitu subskala B1, B2, B3, B4 dan B5. Subskala B1, B2 dan B3 dianggap masalah *externalizing* atau faktor luaran kanak-kanak. Sedangkan subskala B4 dan B5 dianggap masalah *internalizing* iaitu faktor dalaman kanak-kanak.

Jadual 3:

Jadual Skala Likert

Skala Likert	Maksud
1	Tidak pernah
2	Jarang-jarang
3	Kadang-kadang
4	Selalu

Jadual 4:

Jadual Penerangan Domain PKBS

	Domain PKBS	Domain Masalah
B1	Berpusatkan diri sendiri	Masalah
B2	Masalah perhatian/terlalu aktif	<i>Externalizing</i>
B3	Antisosial/agresif	
B4	Menarik diri dari bersosial	Masalah
B5	Masalah kebimbangan	<i>Internalizing</i>

Kebolehpercayaan Instrumen

Instrumen ini telah diuji dengan menggunakan nilai kebolehpercayaan (*Alpha Cronbach*). Penyelidik telah menjalankan kajian rintis dan kajian sebenar bagi mengukur kebolehpercayaan instrumen *Family Expressiveness Questionnaire* (FEQ) dan *Preschool and Kindergarten Behaviour Scales* (PKBS). Ianya dinyatakan dalam jadual di bawah ini :

Jadual 5:

Nilai Kebolehpercayaan Alat Ujian FEQ dan PKBS

Soal Selidik/Domain	Jumlah Item	Nilai <i>Alpha Cronbach</i>	
		Ujian Rintis	Kajian Sebenar
<i>Family Expressiveness Questionnaire</i> (FEQ)	30	0.740	0.807
(Item Positif)	14	0.810	0.855
<i>Preschool and Kindergarten Behaviour Scales</i> (PKBS)	42	0.940	0.932

DAPATAN KAJIAN

Persoalan 1

Frekuensi ekspresi emosi positif dalam kalangan ibubapa

Jadual 6.2

Jadual Frekuensi Ekspresi Emosi Positif Ibubapa

Ekspresi Emosi Positif Ibu Bapa	Kekerapan	Peratusan (%)	Min	Sisihan Piawai
Jarang Kali (1)	11	2.9	2.3750	0.5419
Kerap Kali (2)	213	56.6		
Sangat Kerap (3)	152	40.4		
Jumlah	376	100		

Analisis frekuensi ekspresi emosi positif dalam kalangan ibubapa yang memilih jarang kali (1) menonjolkan ekspresi emosi (n=11) bersamaan 2.9%, kerap kali (2) menonjolkan ekspresi emosi

(n=213) bersamaan 56.6% dan sangat kerap (3) menonjolkan ekspresi emosi (n=152) bersamaan 40.4%. Nilai min bagi ekspresi emosi positif dalam kalangan ibubapa adalah 2.3750 manakala sisihan piawai adalah 0.5419. Seterusnya data dilaporkan mengikut perincian setiap item-item yang terkandung di dalam soal selidik item positif instrumen *Family Expressiveness Questionnaire* (FEQ).

Jadual 7:
Frekuensi Ekspresi Emosi Positif Ibumama Mengikut Item

No.	Item-item	Skala			Min	Sisihan Piawai
		1	2	3		
1	Memaafkan seseorang yang telah memecahkan sesuatu barang kesukaan.	48 (12.8%)	241 (64.1%)	87 (23.1%)	2.1037	0.5909
2	Mengucapkan terima kasih kepada ahli keluarga untuk sesuatu yang mereka telah lakukan	5 (1.3%)	98 (26.1%)	273 (72.6%)	2.7128	0.4816
3	Memuji seseorang kerana kerja yang bagus.	25 (6.6%)	170 (45.2%)	181 (48.1%)	2.4149	0.6137
4	Melahirkan rasa gembira selepas mendapat kejayaan yang tidak diduga.	19 (5.1%)	207 (55.1%)	150 (39.9%)	2.3484	0.5883
5	Melahirkan rasa teruja terhadap perancangan masa depan.	34 (9%)	230 (61.2%)	112 (29.8%)	2.2074	0.5883
6	Memberitahu seseorang yang dia mempunyai penampilan yang menarik	125 (33.2%)	188 (50%)	63 (16.8%)	1.8351	0.6885
7	Melahirkan rasa simpati terhadap kesusahan seseorang.	16 (4.3%)	244 (64.9%)	116 (30.9%)	2.2660	0.5301
8	Melahirkan rasa sayang atau cinta yang mendalam terhadap seseorang.	50 (13.3%)	193 (51.3%)	133 (35.4%)	2.2207	0.6626
9	Secara spontan mencium ahli keluarga.	56 (14.9%)	169 (44.9%)	151 (40.2%)	2.2527	0.6985

10	Menunjukkan rasa prihatin di atas kejayaan ahli keluarga.	22 (5.9%)	210 (55.9%)	144 (38.3%)	2.3245	0.5806
11	Menawarkan diri untuk membantu seseorang.	24 (6.4%)	210 (55.9%)	142 (37.8%)	2.3138	0.5864
12	Cuba menggembirakan seseorang yang sedang bersedih.	38 (10.1%)	231 (61.4%)	107 (28.5%)	2.1835	0.5940
13	Memberitahu ahli keluarga yang anda sedang bergembira.	107 (28.5%)	179 (47.6%)	90 (23.9%)	1.9548	0.7233
14	Meminta maaf apabila menyadari kesalahan diri.	23 (6.1%)	198 (52.7%)	155 (41.2%)	2.3511	0.5925

Persoalan 2

Hubungan antara Ekspresi Emosi Positif Iubapa dengan Masalah Tingkah Laku (*externalizing*) Kanak-Kanak

Jadual 8 menunjukkan hasil analisis korelasi bahawa terdapat hubungan tidak signifikan yang sangat lemah di antara pembolehubah ekspresi emosi ibubapa dengan masalah tingkah laku (*externalizing*) kanak-kanak dimana pekali kolerasinya ialah $r = .002$, $p > .05$ (iaitu $p = .967$).

Jadual 8:

*Jadual Ujian Korelasi Spearman Rho antara Ekspresi Emosi Positif Iubapa dengan Masalah Tingkah Laku (*externalizing*) Kanak-kanak*

		Masalah Tingkah Laku Kanak-kanak (<i>externalizing</i>)
Spearman's Rho	Masalah Tingkah Laku Kanak-kanak (<i>externalizing</i>)	Pekali Korelasi Signifikan (ekor-2) N 376
	Ekspresi Emosi Positif Ibu Bapa	Pekali Korelasi Signifikan (ekor-2) N 376
		1.000
		.002

Jadual 8 di atas menunjukkan hasil analisis korelasi bahawa terdapat hubungan yang sangat lemah dan tidak signifikan di antara pembolehubah ekspresi emosi positif ibubapa dengan pembolehubah masalah tingkah laku kanak-kanak (*externalizing*) yang mana nilai pekali korelasi adalah $r = .002$, $p > .05$. Ujian korelasi Spearman rho menunjukkan hampir tiada korelasi atau hubungan antara keduanya.

Keputusan menunjukkan nilai pekali korelasi bagi ekspresi emosi positif ibubapa dengan masalah tingkah laku (*externalizing*) kanak-kanak adalah $r = .002$ ($r = .002$) dan nilai kebarangkalian adalah .967 yang diuji pada aras keyakinan .05. Nilai kebarangkalian ini didapati lebih besar dari aras keyakinan ($p > .05$). Dengan ini, menunjukkan bahawa ekspresi emosi positif ibubapa dengan masalah tingkah laku (*externalizing*) kanak-kanak [$r_{(376)} = .002$, $p > .05$]. Maka, hipotesis nul tidak

terdapat hubungan yang signifikan antara ekspresi emosi positif ibubapa terhadap masalah tingkah laku (*externalizing*) kanak-kanak adalah diterima dan hipotesis alternatif di tolak.

Persoalan 3

Hubungan antara Ekspresi Emosi Positif Ibubapa dengan Masalah Tingkah Laku (*internalizing*) Kanak-kanak

Jadual 9 menunjukkan hasil analisis korelasi bahawa terdapat hubungan signifikan yang sangat lemah diantara pembolehubah ekspresi emosi positif ibubapa dengan pembolehubah masalah tingkah laku (masalah *internalizing*) berkongsi dimana pekali kolerasinya ialah $r = .044$, $p > .05$ (iaitu $p = .391$).

Jadual 9:

Jadual Ujian korelasi Spearman Rho antara Ekspresi Emosi Positif Ibubapa dengan Masalah Tingkah Laku (internalizing) Kanak-kanak

			Masalah Tingkah Laku Kanak-kanak (<i>internalizing</i>)
Spearman's Rho	Masalah Tingkah Laku Kanak-kanak (<i>internalizing</i>)	Pekali Korelasi Signifikan (ekor-2)	1.000
		N	376
	Ekspresi Emosi Positif Ibu Bapa	Pekali Korelasi Signifikan (ekor-2)	.044
		N	.391
			376

Jadual 9 di atas menunjukkan hasil analisis korelasi bahawa terdapat hubungan yang sangat lemah dan tidak signifikan di antara pembolehubah ekspresi emosi positif ibubapa dengan pembolehubah masalah tingkah laku kanak-kanak (*internalizing*) yang mana nilai pekali korelasi adalah $r = .044$, $p > .05$. Ujian korelasi Spearman rho menunjukkan hampir tiada korelasi atau hubungan antara keduanya.

Keputusan menunjukkan nilai pekali korelasi Spearman bagi ekspresi emosi positif ibubapa dengan masalah tingkah laku (*internalizing*) kanak-kanak adalah .044 ($r = .044$) dan nilai kebarangkalian adalah .391 yang diuji pada aras keyakinan .05. Nilai kebarangkalian ini didapati lebih besar dari aras keyakinan ($p > .05$). Dengan ini, menunjukkan bahawa ekspresi emosi positif ibubapa dengan masalah tingkah laku (*internalizing*) kanak-kanak [$r_{(376)} = .044$, $p > .05$]. Maka, hipotesis nul tidak terdapat hubungan yang signifikan antara ekspresi emosi positif ibubapa terhadap masalah tingkah laku (*internalizing*) kanak-kanak adalah diterima dan hipotesis alternatif di tolak.

KESIMPULAN

Kajian ini dilaksanakan untuk mengetahui ekspresi emosi positif ibubapa mempengaruhi masalah tingkah laku dan ekspresi emosi ibubapa. Menurut Kamarul et al., (2017), isu masalah tingkah laku kanak-kanak secara *externalizing* dan *internalizing*. Hal ini, akan memberi kesan terhadap pencapaian akademik sekaligus memberi kesan terhadap kemampuan kanak-kanak untuk berkomunikasi secara berkesan (Zaleha et al., 2020) Kemahiran sosial yang lemah membuatkan kanak-kanak sering mempamerkan tingkah laku mengganggu sehingga sering dipulaukan dan tidak diterima dalam kalangan rakan sebaya. Kanak-kanak bermasalah tingkah laku juga dilihat kurang kawalan sendiri, mempunyai *self esteem* yang rendah dan cenderung melakukan tingkah laku agresif (Azizi, 2015). Kanak-kanak mempelajari tingkah laku melalui proses pemerhatian. Faktor yang mempengaruhi penguasaan tingkah laku dalam kalangan kanak-kanak adalah melalui faktor genetik dan persekitaran

mereka. Pengaruh persekitaran telah terbukti dari kajian lepas, mempunyai hubungan langsung dengan masalah tingkah laku kanak-kanak.

RUJUKAN

- Abdullah Nasih, U. (2015). Pendidikan peribadi anak menurut pandangan Islam. Kuala Lumpur: Penerbitan Seribu Dinar Sdn. Bhd.
- Asmawati Desa, Getrude Cosmas, Mariny Abdul Ghani, Siti Rozaina Kamsani, Noor Azniza Ishak, Nabisah Ibrahim dan Mohd Maksan Musa, (2015), *Pengantar Psikologi* (Edisi-1), Selangor: SJ Learning.
- Azizi Yahya (2015), *Tingkah Laku Remaja Berisiko* berdasarkan teori pembelajaran sosial Albert Bandura, Johor: Universiti Teknologi Malaysia.
- Berk, E. L., (2018), *Life Span Development*, United State of America: John Wiley
- Ghazali Darusalam dan Sufean Hussin (2019), *Penyelidikan dalam Pendidikan: Kaedah dan Amalan*, Kuala Lumpur : Universiti Malaya.
- Habibie Ibrahim, Mazni Mustapha, Joki Perdani, Puteri Hayati Megat Ahmad, Nurul Hudani Md Nawi, (2018), Peranan dan Tanggungjawab Ibu Bapa dalam Pengasuhan Anak dan Remaja, *Asian Social Work Journal*, Volume 3:5, 18 - 24
- Halberstadt, A. G. (1986). Family socialization of emotional expression and nonverbal communication styles and skills. *Journal of Personality and Social Psychology*, 51, 827–836. Atas talian: http://www.familysocialization/journal/emotionalexpression/socialpsychology.htgppy/1986.kjyht/nzmbg_%4325/20.pdf access on 19 October 2015
- Haliza Hamzah & Joy Nesamalar Samuel, (2016), *Pengurusan Bilik Darjah dan Tingkah Laku : Siri Pendidikan Guru*, Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Huffman K., (2007), *Psychology in Action* (7 Edition), United State of America: John Wiley
- Mat, Zanariah & Teh, Kamarul Shukri (2017). Frekuensi Penyesuaian Tingkah Laku Kanak-Kanak Tadika Yayasan Islam Terengganu. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*. 1. 36-44.
- Norly Jamil (2009), *Ekspresi Emosi Ibu Bapa dan Tingkah Laku Emosi Kanak-Kanak*, Geran Penyelidikan UPSI, Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Piping Perlina, & Nurhafizah. (2020). *Pengembangan Perilaku Sosial Anak dalam Aspek Kerjasama di Taman Kanak-kanak*. *Jurnal Pendidikan Tambusai*, 4(3), 3071–3082. <https://doi.org/10.31004/jptam.v4i3.812>
- Santrock J. W., (2014), *Life Span Development*, (12-Edition), United State of America: John Wiley.

Ekspresi Emosi Positif Ibu Bapa Mempengaruhi Masalah Tingkah Laku (Luaran & Dalam)
dalam Kalangan Kanak-Kanak Tadika
Zaleha Damanhuri, Nurdyana Tasripin, Nur Syakira Baharudin,
Nur Hazwani Abdul Wahi & Nor Syazwanie Mohamad Zamal

Suziyani Mohamad, (2014), *Adaptasi Silang Budaya ASQ:SE di Malaysia*, (Tesis Ph. D). Fakulti Pendidikan: Selangor: Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zaleha Damanhuri, Mariani Md Nor (2020), *Hubungan Ekspresi Emosi Ibubapa dengan Masalah Tingkah Laku Kanak-kanak*, Prosiding Seminar Kebangsaan Sains Sosial (2.0), 50-58

Zubir, N. M., Johari, K. S. K., Mahmud, Z., Ab Razak, N. H., & Johan, S. (2018). *Cabaran Aplikasi Modul Terapi Filial dalam kalangan Ibu bagi Menangani Isu Tingkahlaku Kanak-Kanak (Challenges in the Application of Filial Therapy Module among Mothers to Overcome Children's Behaviour Problems)*. *Jurnal Pendidikan Malaysia (Malaysian Journal of Education)*, 43(1S1), 21-30.